

Festival imbas kemeriahan sukan rakyat

Nilai: Festival Sukan Rakyat anjuran Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini, berjaya mengembalikan nostalgia dan kemeriahan sukan zaman dahulu.

Program anjuran Exco Sukan dan Rekreasi Nadi Thaafah FPBU bertempat di Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM itu, mendapat sambutan hangat daripada pensyarah dan pelajar FPBU.

Antara acara sukan yang diadakan ialah tarik upih, tiup tepung, tarik tali, lari dalam guni, boling kelapa dan terompah kelapa.

Pengarah program, Zikril Hakim SM Mahhudi, berkata Festival Sukan Rakyat itu julung kali diadakan

bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan cerdas dalam kalangan warga fakulti.

Program itu juga, katanya, dapat memupuk semangat persaudaraan di samping menjalin hubungan silaturahim antara pelajar dengan pensyarah.

"Kami ingin menggalak dan menjadikan mahasiswa FPBU sebagai warga kampus yang sentiasa proaktif, inovatif, sihat, cerdas dan berwawasan tinggi.

Acara tahunan

"Festival ini akan dijadikan acara tahunan supaya golongan mahasiswa menjadi wahana untuk menghidupkan kembali keseronokan dan nostalgia permainan sukan rakyat," katanya ketika ditemui



Pemenang **Festival Sukan Rakyat FPBU USIM** bergambar kenangan selepas majlis penyampaian hadiah.

selepas majlis penyampaian hadiah.

Majlis disempurnakan Dekan FPBU, Prof Madya Dr Noor Azizi Ismail.

Sementara itu, Dr Noor Azizi menyifatkan program berkenaan antara platform terbaik bagi menggalakkan semangat kesukanan serta

memupuk nilai kerjasama dalam pasukan.

Katanya, program turut memberi peluang pelajar mengenali pensyarah

mereka dengan lebih dekat selain mengeratkan hubungan pelajar junior dengan senior yang selama ini jarang bertemu.